

NO. SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan setakat ini sejak pelancaran ESSCOM dalam usaha menangani masalah pencerobohan pantai timur Sabah oleh kumpulan penculik bersenjata.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peruntukan belanja mengurus organisasi ESSCOM bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM8 juta dan bagi tahun 2014 ialah sebanyak RM7.78 juta.
2. Butiran perbelanjaan untuk tahun 2013 adalah seperti berikut:

NO.	BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)
1	EMOLUMEN	3,100,000.00
2	BEKALAN DAN PERKHIDMATAN	3,500,000.00
3	ASET	1,400,000.00

3. Butiran perbelanjaan untuk tahun 2014 secara terperinci adalah seperti berikut:

NO.	BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)
1	EMOLUMEN	3,600,000.00
2	BEKALAN DAN PERKHIDMATAN	4,180,000.00

Sekian. Terima Kasih.